

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 4 (86)

24 Mei 2026
7 Zulhijjah 1447

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2026

PENGISYTIHARAN HARI CUTI PERISTIWA SEMPENA PENCAPAIAN CEMERLANG PASUKAN JOHOR DARUL TA'ZIM (JDT)

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Johor telah mengisytiharkan tarikh **25 Mei 2026 (Isnin)** sebagai Hari Cuti Peristiwa bagi Negeri Johor sebagai tanda penghargaan untuk meraikan pencapaian cemerlang pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) yang telah merangkul kejuaraan Piala Malaysia 2025/26 pada hari Sabtu, 23 Mei 2026.

2. Selaras dengan Seksyen 9(1), Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369), maka Universiti turut menyahut arahan Kerajaan Negeri Johor dan Cuti Peristiwa tersebut diberikan kepada seluruh warga UTM Johor Bahru dan UTM Cawangan Pagoh pada tarikh tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua urusan atau program-program lain yang telah dirancang lebih awal terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu diteruskan seperti biasa. Semua staf yang terlibat dengan program rasmi yang telah dirancang dikehendaki bertugas dan layak mendapat cuti gantian tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. MOHD SHARIL BIN ABDULLAH)

Pendaftar

- s.k. -
- Menjalankan Fungsi Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Kuala Lumpur
 - Ketua Kampus UTM Cawangan Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah